



06 MAY, 2024

## Azrai mahu pemain muda tingkatkan prestasi

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

## Azrai mahu pemain muda tingkatkan prestasi

**Ipoh:** Penyerang skuad hoki negara, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal mahu barisan pemain muda terus menunjukkan peningkatan prestasi meskipun Speedy Tigers tidak bermula dengan baik di Piala Sultan Azlan Shah (PSAS).

Jelas pemain berusia 24 tahun itu yang mencipta hatrik ketika tewas 4-5 di tangan Pakistan, malam kelmarin, peluang serta ruang perlu diberikan kepada barisan pemain muda untuk terus menimba pengalaman beraksi di pentas antarabangsa.

"Ini adalah pasukan baharu yang dibarisi beberapa pemain muda. Ia per-

lawan yang bagus untuk mereka dan bagi sesetengah pemain, ia penampilan antarabangsa pertama mereka di peringkat senior.

"Mereka pernah bermain di peringkat remaja dan ini adalah satu langkah ke hadapan. Sekarang mereka akan mula mengetahui betapa tingginya standard di peringkat *senior* dalam aksi antarabangsa.

"Segala pengalaman ini amat baik untuk mereka membentuk keyakinan dan persefahaman dengan barisan pemain lain," katanya.

Azrai yang muncul penjarang terbanyak di Liga

Hoki Malaysia (MHL) musim ini dengan meledak 32 gol bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata, selaku antara pemain senior, dia serta rakan sepasukan lain tidak mahu terus memberi tekanan kepada pemain muda.

"Kami perlu terus kekal bersama. Sebagai pemain senior dalam pasukan, kami perlu terus memberi

motivasi kepada pemain muda.

"Kami tidak boleh memberi tekanan kepada mereka apabila mereka melakukan kesilapan.

"Ia bukan pengakhiran kepada segala-galanya. Piala Sultan Azlan Shah adalah persediaan terbaik untuk pasukan sebelum beraksi di Piala Negara-negara dekat Poland," kata-

nya merujuk kepada saingan yang akan berlangsung dari 31 Mei sehingga 9 Jun depan.

Azrai berkata, kekalahan pada perlawanan itu bukanlah penamat kepada segala-galanya, namun dia mengakui skuad negara kadangkala memerlukan tuah untuk memenangi perlawanan.

"Kita tidak boleh terus mengharap kepada barisan pemain senior sahaja. Masih ada banyak lagi perlawanan yang akan diharungi.

"Jadi, kita perlukan semua 18 pemain beraksi pada tahap terbaik," katanya.

**"Mereka pernah bermain di peringkat remaja dan ini adalah satu langkah ke hadapan. Sekarang mereka akan mula mengetahui betapa tingginya standard di peringkat senior dalam aksi antarabangsa"**